



GARIS PANDUAN PROSES MENGADAKAN:
**SEMINAR PROPOSAL SPS5903/SPS6903 DI
I-AQUAS**

Dokumen ini disediakan oleh:

UNIT SISWAZAH

INSTITUT ANTARABANGSA AKUAKULTUR DAN SAINS AKUATIK (I-AQUAS)

UNIT SISWAZAH

Prof. Madya Dr. Murni Marlina Abd Karim – *Penyelaras Siswazah*

Dr. Farah Izana Abdullah

En. Noraidi Mustafa Al-Bakri

Maklumat untuk dihubungi:

Email: murnimarlina@upm.edu.my / izana.abdullah@upm.edu.my

Tel: +603-9769 8085/8095

ISI KANDUNGAN

TUJUAN GARIS PANDUAN	4
1. PERSEDIAAN SEBELUM SEMINAR BERMULA	4
1.1 Perkara yang perlu diambil perhatian sebelum seminar proposal dijalankan	4
2. TINDAKAN SEMASA SEMINAR BERLANSUNG	5
3. TINDAKAN SELEPAS SEMINAR BERLANSUNG	5
LAMPIRAN 1: CONTOH SURAT LANTIKAN KEPADA PEMERIKSA	6
LAMPIRAN 2: CONTOH JADUAL SEMINAR	7
LAMPIRAN 3: CONTOH EMAIL BUTIRAN SEMINAR	8

TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan maklumat asas berkenaan **tatacara mengadakan Seminar Proposal SPS5903/SPS6903** di I-AQUAS yang melibatkan kakitangan dan pelajar I-AQUAS.

Melalui garis panduan ini, kakitangan di I-AQUAS dapat membuat rujukan dengan lebih mudah dan mendapat maklumat yang jelas berkenaan pengurusan Seminar Proposal SPS5903/SPS6903 di I-AQUAS. Garis panduan ini penting dalam memastikan bahawa *standard* pengurusan dan protokol yang digunapakai dilaksanakan secara berkesan dan konsisten, dan seterusnya melicinkan urusan I-AQUAS untuk menguruskan seminar tersebut berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

Seminar Proposal SPS5903/SPS6903 boleh dijalankan dengan mengikuti langkah berikut:

1. PERSEDIAAN SEBELUM SEMINAR BERMULA

Persediaan rapi memainkan peranan penting dalam memastikan kelicinan pengurusan seminar proposal. Perkara yang disenaraikan dibawah perlu dipastikan sempurna sebelum seminar proposal dijalankan;

1.1 Perkara yang perlu diambil perhatian sebelum seminar proposal dijalankan

1. **Semak senarai pelajar** mengikut subjek untuk semester tersebut terutama bagi pelajar yang baru mendaftar.
 - a. Hubungi pegawai Sekolah Pengajian Siswazah (zuriyati@upm.edu.my)
 - b. Hubungi pelajar melalui (I-AQUAS) Postgraduate *Whatsapp* Group
2. **Mohon abstrak pelajar** melalui email ataupun melalui aplikasi *Whatsapp*.
3. **Hubungi penyelia pelajar** tersebut untuk mendapatkan **cadangan dua nama pemeriksa** yang bersesuaian.
4. **Hubungi pemeriksa** yang telah dicadangkan untuk **mohon persetujuan dan tetapkan tarikh seminar**.
5. Keluarkan **surat lantikan kepada pemeriksa** seperti di [LAMPIRAN 1](#).
6. **Buat jadual seminar** dengan memasukkan maklumat seperti nama pelajar, nama pemeriksa, hari dan tarikh seperti di [LAMPIRAN 2](#).
7. **Cipta pautan** bagi *Zoom/Google Meet/Webex*.
8. **Emailkan** kepada pelajar, pemeriksa dan penyelia berkenaan **butiran seminar** dan masukkan juga maklumat seperti di [LAMPIRAN 3](#):

- a. Pautan bagi Zoom/Google Meet/Webex
 - b. *Google Form* Pemarkahan Pemeriksa <https://forms.gle/fr5S27iea7PLcSD39>
 - c. *Google Form* Pemarkahan Penyelia <https://forms.gle/HkcwqZSUKbZfjJWA>
 - d. Abstrak pelajar
9. Hantar **mesej peringatan** kepada pelajar, pemeriksa dan penyelia **sehari sebelum pembentangan bermula** melalui applikasi *Whatsapp*.

2. TINDAKAN SEMASA SEMINAR BERLANSUNG

10. Pastikan **kehadiran pelajar, pemeriksa dan penyelia** sebelum pembentangan bermula.
11. **Pembentangan** adalah selama 15 minit - 20 minit, manakala 10 minit adalah untuk **sesi soal jawab**.
12. **Tekan** butang *record*.
13. Setelah tamat sesi pembentangan, **mohon pemeriksa dan penyelia untuk mengisi markah pada pautan borang penilaian yang diberikan**.

3. TINDAKAN SELEPAS SEMINAR BERLANSUNG

14. Hantar **ucapan terima kasih** kepada pemeriksa melalui applikasi *Whatsapp*.
15. **Analisa markah** yang telah diisi di borang penilaian markah.
16. **Hantar markah** dari pemeriksa dan penyelia kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) I-AQUAS untuk tindakan selanjutnya.

LAMPIRAN 1: CONTOH SURAT LANTIKAN KEPADA PEMERIKSA



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



INSTITUT ANTARABANGSA AKUAKULTUR DAN SAINS AKUATIK
INTERNATIONAL INSTITUTE OF AQUACULTURE AND AQUATIC SCIENCES

Rujukan : UPM.I-AQUAS.600-4/12/2/SPS5903
Tarikh : 30 Januari 2023

Dr. Siti Nor Ani Azaman
Pusat Asasi Sains Pertanian,
Universiti Putra Malaysia.

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENILAI BAGI SUBJEK SEMINAR PROPOSAL SPS5903/SPS6903, INSTITUT ANTARABANGSA AKUAKULTUR DAN SAINS AKUATIK (I-AQUAS)

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Puan adalah dilantik sebagai panel penilai untuk pelajar siswazah Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS) dibawah subjek Seminar Proposal SPS5903/SPS6903. Sehubungan itu, ketetapan sesi penilaian adalah seperti berikut :

Tarikh	:	2 Februari 2023 (Khamis)
Masa	:	10:00 pagi – 12:00 tengah hari
Platform	:	Aplikasi Zoom

Kerjasama dan keprihatinan pihak Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



PROFESOR DR. AHMAD ZAHARIN ARIS FASc
Pengarah
Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik
Universiti Putra Malaysia

✉ Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia, Lot 960 Jalan Kemang 6, Batu 7, Kg. Telok Kemang, 71050 Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus
☎ 603-9769 8100/603-9769 8090 📠 603-9769 8953 📧 dir.i-aquas@upm.edu.my 🌐 <https://i-aquas.upm.edu.my/>

LAMPIRAN 2: CONTOH JADUAL SEMINAR

Tarikh/Jam	Nama Pelajar	No Matrik	Penyelia	Tajuk Proposal	Penilai
2 Februari 2023 10:00 pagi	SUYOM JHON CHRISTIAN	GS65259	Prof. Madya Dr. Murni Marlina	Population Modelling and Mapping of Natural Food Availability at the Spawning Grounds of Pangasius nasutus in Pahang River, Pahang, Malaysia	1. Dr. Mohd Zafri Hassan 2. Dr. Muhammad Fadhil Syukri Ismail
2 Februari 2023 10:30 pagi	AHMAD SALIM MAHUTA	GS65859	Prof. Madya Dr. Murni Marlina	The Impacts of Microplastics Exposure on Fish Health	1. Dr. Dania Aziz 2. Dr. Siti Nor Ani Azaman
2 Februari 2023 11:00 pagi	MUHAMMAD IZZUDDIN BIN ROSLI	GS63809	Dr. Clement Roy De Cruz	Elucidation of Lipid Metabolism in Asian Seabass, <i>Lates Calcarifer</i> using Palm Oil and Palm Kernel Oil	1. Dr. Dania Aziz 2. Dr. Muhammad Fadhil Syukri Ismail

LAMPIRAN 3: CONTOH EMAIL BUTIRAN SEMINAR

SESI PENILAIAN SUBJEK SEMINAR PROPOSAL (SPS5903) – MUHAMMAD IZZUDDIN BIN ROSLI (GS63809)

F FARAH IZANA BINTI ABDULLAH / I-AQUAS izana.abdullah@upm.edu.my
to GS63809, CLEMENT, DANIA, Fachri, NORAIZI

Tue, Jan 31, 8:00 AM (2 days ago)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Profesor/Dr./Tuan/Puan,

SESI PENILAIAN SUBJEK SEMINAR PROPOSAL (SPS5903) – MUHAMMAD IZZUDDIN BIN ROSLI (GS63809)

Merujuk kepada perkara di atas, sesi penilaian akan dijalankan mengikut ketetapan berikut:

Tarikh:	2 Februari 2023
Masa:	11:00 pagi – 11:30 pagi (sesi pembentangan: 15-20 minit, Q&A)
Aplikasi:	Zoom https://zoom.us/j/98457637868?pwd=SlpnWmZsWG9SSHF5RTEZ2hPU2Ezdz09 Meeting ID: 984 5763 7868 Passcode: 448666

*Pelajar diminta bersedia 10 minit sebelum sesi pembentangan

Berikut merupakan butiran pelajar:

Nama pelajar:	Muhammad Izzuddin Bin Rosli
Program:	Master
No Matrik:	GS63809
Semester:	Semester 2 2021/2022
Bidang pengajian:	Aquaculture
Penyelia:	Dr. Clement Roy de Cruz
Tajuk Abstrak:	Elucidation Of Lipid Metabolism in Asian Seabass, <i>Lates Calcarifer</i> Using Palm Oil and Palm Kernel Oil

Pautan bagi Borang Penilaian adalah seperti berikut:
<https://forms.gle/fr5S27iea7PLcSD39>

Perhatian YBhg. Profesor/Dr./Tuan/Puan berkaitan sesi ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih